

UNTUK SIARAN SEGERA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

KENYATAAN MEDIA

**KESEJAHTERAAN MURID MANGSA SALAH LAKU SEKSUAL
DIBERI PERHATIAN, TINDAKAN BUANG SEKOLAH AKAN DIAMBIL
TERHADAP MURID YANG DIDAPATI BERSALAH**

Kementerian Pendidikan (KPM) mengambil perhatian kesejahteraan murid yang menjadi mangsa salah laku seksual di sebuah sekolah di Melaka. Beliau sedang mendapatkan rawatan di hospital dan diberikan sokongan psikososial untuk membantu dari aspek mental dan emosi.

Tindakan bagi kes ini sedang diambil oleh pihak berkuasa dan semua murid yang terlibat sebagai suspek telah ditahan reman.

Siasatan sedang berjalan maka murid terlibat yang sedang berada di Tingkatan 5 mempunyai hak untuk mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang dijadualkan bermula pada bulan November ini. Keputusan sama diambil Kementerian sebelum ini dalam kes salah laku seksual yang melibatkan tujuh orang murid di Sabah pada tahun 2019.

Kebenaran mengambil peperiksaan SPM tidak sama sekali mengganggu proses undang-undang yang sedang berjalan. Lembaga Tatatertib Sekolah akan menjatuhkan hukuman buang sekolah terhadap murid yang didapati bersalah.

TAMAT

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
12 OKTOBER 2025**